

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG]

TARIKH : 31 OKTOBER 2017

RUJUKAN : 10282

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pemegang lesen senjata api dimestikan memiliki kad yang perlu diperbaharui setiap tahun dengan kos RM30 selain daripada bayaran lesen senjata api.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan kad senjata api membolehkan pelesen dan pemilik permit senjata api memperkenalkan identiti mereka dengan lebih mudah dan senang dibawa berbanding buku lesen sedia ada. Selain itu, ciri-ciri keselamatan yang ada pada kad senjata tersebut memudahkan PDRM membuat penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan senjata api tanpa lesen. Bayaran RM30 merupakan kos yang berpatutan dengan ciri-ciri dan kualiti kad yang disediakan. Kad ini perlu diperbaharui setiap tahun bersesuaian dengan peraturan dan undang-undang yang dinyatakan di bawah Akta Senjata 1960.